



TEKS UCAPAN

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR

MENTERI

KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN

DAN KERAJAAN TEMPATAN

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2016

27 MAC 2017 (ISNIN)

DEWAN KRISTAL, KPKT

Yang Dihormati Saudari Pengacara Majlis,

**YBhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;**

**YBhg. Dato' Halimi Bin Abd. Manaf
Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar);
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;**

**YBhg. Dato' Nor Inchun Binti Mohamed Salleh
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;**

**YBhg. Dato' Dr. Zulkapli Bin Mohamed
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
(SWCorp);**

Anggota-Anggota Perbadanan;

**Yang Berusaha Dr. Mohd Pauze Bin Mohamed Taha
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal)
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
(SWCorp);**

Ketua-Ketua Jabatan dan Setiausaha- Setiausaha Bahagian Kementerian;

Pengarah-Pengarah Kanan SWCorp;

Pegawai-Pegawai Kanan dan seluruh Warga Kerja SWCorp;

Rakan-Rakan Media yang dikasihi; serta

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1
Malaysia.**

1. Terlebih dahulu izinkan saya memanjat rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya jua, dapat kita berhimpun pada hari yang cukup bermakna ini sempena **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Bagi Tahun 2016.**
2. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak SWCorp di atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama meraikan penerima-penerima anugerah yang telah menunjukkan kecemerlangan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada organisasi SWCorp amnya dan kepada Kementerian khususnya.

3. Peluang untuk bersama-sama sebahagian besar warga SWCorp ini amatlah saya hargai. Ia begitu penting dalam usaha kita membentuk sinergi dan pasukan kerja yang hebat serta mantap yang akan memastikan semua agenda, misi dan visi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terlaksana.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kerajaan sentiasa komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam dengan menyediakan pelbagai anugerah atau ganjaran. **Melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, saya berharap ia dapat menggalakkan pegawai dan warga kerja untuk terus memberikan komitmen dan daya**

usaha bagi mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini sekali gus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang relevan dan diyakini oleh rakyat, serta menepati kehendak dan ekspektasi mereka. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan semua pegawai dan warga kerja untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

5. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk **mengucapkan tahniah dan syabas kepada 86 orang warga cemerlang SWCorp yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2016** berdasarkan kriteria-kriteria yang telah dimaklumkan sebentar tadi.

6. Bagi pihak Kementerian sendiri, saya sentiasa menghargai pengorbanan dan usaha tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang komited dalam melakari dan menyelusuri kecemerlangan perkhidmatan dalam bidang tugas masing-masing demi kejayaan diri, organisasi, bangsa dan negara. **Semoga dengan pengiktirafan ini akan membangkitkan lagi semangat mencurahkan bakti kepada Negara dan meningkatkan azam untuk bertugas dengan lebih gigih dan penuh iltizam pada masa akan datang bagi menaikkan imej SWCorp dan KPKT di peringkat Kebangsaan mahupun di peringkat global.**

7. Jadikanlah anugerah ini sebagai titik tolak untuk kita terus memacu pencapaian KPKT serta perkhidmatan awam dengan lebih terkemuka setanding dengan pencapaian anggota perkhidmatan awam di negara-

negara maju. Saya berharap mereka yang terpilih sebagai penerima anugerah pada hari ini seharusnya menjadi *role model* kepada yang lain untuk terus berusaha dengan gigih agar matlamat yang disasarkan tercapai.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam menggalas cabaran merealisasikan agenda pembangunan negara melalui program-program utama yang telah digariskan oleh Kerajaan. **Perkhidmatan yang berprestasi tinggi dan bertaraf kelas pertama adalah menjadi fokus penting untuk menangani perubahan pantas yang berlaku dalam persekitaran global masa kini.** Dalam hal ini, jentera pentadbiran Kerajaan perlu mempunyai kapasiti dan keupayaan yang tinggi untuk menjayakan

program-program yang telah dirancang. Seperti mana yang kita ketahui, Kerajaan kini melangkah ke hadapan dengan menggerakkan inisiatif untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020 di mana KPKT turut menyumbang bagi memastikan hasrat Kerajaan ini dapat direalisasikan.

9. Tahun 2016 memperlihatkan SWCorp terus mengorak langkah memperkasakan kecekapan organisasi dan sistem penyampaiannya bagi menterjemahkan visi Kementerian kepada program-program yang boleh dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat dan negara. SWCorp yang diterajui oleh barisan kepimpinan yang hebat dan pelapis-pelapis kepimpinan yang sedang dibangunkan telah pun mengorak langkah memantapkan halatuju

yang berfokuskan terhadap matlamat yang jelas dan berorientasikan kepada pencapaian yang signifikan.

10. Pelaksanaan program-program yang berimpak tinggi di samping strategi dan pendekatan yang strategik nyata telah melonjakkan nama SWCorp bukan sahaja di peringkat Kementerian malah di peringkat nasional dan antarabangsa. Oleh itu, satu penghargaan dan pujian harus diberikan kepada semua warga SWCorp di mana **kecemerlangan ini boleh kita jadikan sebagai pengukur bahawa perkhidmatan awam telah berjaya menunaikan amanah dan tanggungjawabnya secara proaktif dan berkesan dalam menjayakan proses transformasi negara.**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sebagai jentera Kerajaan yang berperanan melaksana segala dasar-dasar dan keputusan Kerajaan, **pegawai awam perlu menumpukan seluruh usaha dan tenaga penyampaian perkhidmatan yang efektif, efisien, berkualiti, telus, mendahului dan mementingkan rakyat dan pelanggan bagi memastikan matlamat Kerajaan dapat dijayakan.**

12. Tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada SWCorp pada hari ini semakin berat. Tugas tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara berada pada tahap yang terbaik malah menjangkau lebih jauh dari itu iaitu membentuk minda masyarakat Malaysia untuk menjadikan kebersihan sebagai budaya dalam kehidupan mereka melalui inisiatif-inisiatif yang telah

dilaksanakan seperti Pengasingan Sisa Pepejal di Punca dan aktiviti-aktiviti kitar semula. Bagi memastikan kelancaran kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, saya berharap tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan proaktif boleh terus dilaksanakan oleh SWCorp bagi memastikan golongan yang tidak bertanggungjawab yang membuat kekotoran dan mencemari keindahan persekitaran dapat diheret ke muka pengadilan.

13. Dalam hal ini, saya berharap **semua warga kerja SWCorp perlu bersedia dan berfikiran terbuka untuk membuat pembaharuan yang berterusan supaya KPKT dan SWCorp sentiasa responsif, relevan, cekap, cepat dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat yang menginginkan satu transformasi kepada landskap pengurusan sisa**

pepejal dan tahap kebersihan negara bagi memastikan ianya selari dengan hasrat Kerajaan menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

14. Kolaborasi strategik dengan pihak-pihak berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi kerajaan dan swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), persatuan-persatuan dalam kalangan komuniti dan masyarakat termasuk agensi-agensi di luar negara juga diharap dapat diperkasakan lagi pada tahun ini bagi meletakkan produktiviti SWCorp sebagai teras penting untuk memacu dan seterusnya memberi sumbangan yang besar kepada kecemerlangan negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

15. **Perkhidmatan awam yang sentiasa dekat dengan rakyat perlu dilihat sebagai satu perkhidmatan yang sentiasa menjadikan integriti sebagai teras utama dalam setiap praktisnya.** Sehubungan itu, budaya kerja yang menggabungkan disiplin, tanggungjawab, integriti dan kebertanggungjawaban serta menjaga kerahsiaan perlu menjadi jati diri setiap penjawat awam dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

16. Saya percaya warga SWCorp telah bersedia untuk melonjakkan keupayaan bagi mencatatkan lebih banyak kejayaan dalam meneruskan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dan berupaya membawa satu perubahan yang besar kepada negara dan seterusnya menjadi agensi penguatkuasaan yang tegas, berwibawa dan berintegriti.

17. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) SWCorp Tahun 2016. Tidak lupa kepada pihak urus setia majlis di bawah kepimpinan YBhg. Dato' Dr. Zulkapli Bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis pada hari ini berjalan dengan lancar. Teruskan budaya kecemerlangan seperti ini demi nama dan imej KPKT pada masa akan datang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim, saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang SWCorp Tahun 2016.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.